

PERHATIKAN
PLEASE NOTE
EMBARGO
(jika dilafazkan)

PEN.11/77/25(TPM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum pukul
10.00 pagi pada 4hb November, 1977.

TIMBALAN PERDANA MENTERI RASMI KURSUS
PRA LANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI PTD

Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad,
di upacara pembukaan rasmi Kursus Pra Lantikan Pegawai-Pegawai
Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) di INTAN, Petaling Jaya
pada 4hb November, 1977 jam 9.30 pagi:

Terlebih dahulu saya ucap terimakasih kepada pihak INTAN dan
Jabatan Perkhidmatan Awam atas jemputan kepada saya untuk membuka
dengan rasmi Kursus Pra Perkhidmatan untuk Perkhidmatan Tadbir dan
Diplomatik selama satu tahun mulai 31hb Oktober, 1977 yang dikendalikan
oleh Institut Tadbiran Awam Negara buat kali pertama. Kepujian patut
diberi kepada INTAN yang dapat mengelolakan kursus baru ini bersama-
sama kursus-kursus lain dalam bidang-bidang pengurusan dan penyeliaan,
pembangunan dan Kerajaan Tempatan di antara lain.

Kerajaan kian mempergiatkan aktiviti pembangunan supaya
objektif rancangan pembangunan dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru dapat
dicapai. Bagaimanapun taraf dan mutu pentadbiran adalah satu faktor
yang mustahak dalam menjayakan rancangan-rancangan pembangunan.
Berjuta-juta ringgit yang dibelanjakan mesti digunakan dengan kecekapan
yang tinggi dan supaya matlamat dicapai dengan cara efektif. Dalam hal
inilah mutu perkhidmatan awam sangat penting.

Kerajaan memandang berat keperluan mengadakan perkhidmatan awam
yang terlatih supaya aktiviti Kerajaan dapat dijalankan dengan cekap
dan secara efektif. Latihan diberi di beberapa agensi Kerajaan tetapi
peranan INTAN sebagai institut pusat untuk melatih perkhidmatan awam
dalam pentadbiran sangatlah penting sekali untuk mengujudkan
perkhidmatan awam yang cekap, efektif dan rajin.

Professionalisma dalam pelbagai bidang untuk menjayakan program
pembangunan sangat penting; baik dari segi latihan sebelum mula kerja
atau melalui mengemaskinikan pengetahuan dan kebolehan dari masa ke
semasa. Professionalisma seperti ini dapat dilihat dalam bidang polis
dan kesihatan misalnya.

Professionalisma patut diadakan dalam perkhidmatan Tadbir dan
Diplomatik juga. PTD merupakan perkhidmatan perdana bagi Kerajaan oleh
sebab peranan perkhidmatan ini untuk memberi pimpinan pentadbiran atau
"administrative leadership" kepada perkhidmatan awam secara am.
Perkhidmatan ini juga memainkan peranan penting sebagai satu golongan
pentadbir istimewa dalam memberi nasihat kepada pimpinan politik
berkenaan dengan dasar Kerajaan, selain dari peranan penting dalam
perancangan dan pelaksanaan program pembangunan bersama-sama dengan
kerja-kerja harian Kerajaan.

(tambahan)

Kerajaan memandang berat professionalisma dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Semenjak masa dahulu latihan diberi kepada pegawai-pegawai PTD sampai ke sebarang bila latihan diwajibkan kepada pegawai-pegawai PTD di beberapa peringkat iaitu latihan orientasi, sebelum mula kerja, latihan asas dalam perkhidmatan dan latihan sebelum dinaik pangkat ke Tingkatan Tertinggi.

Masa telah tiba kini untuk mengadakan latihan komprehensif sebelum pegawai-pegawai baru dilantik dalam perkhidmatan penting ini, untuk menyediakan orientasi yang cukup dan menyeluruh bagi memasuki perkhidmatan awam dan membolehkan pegawai PTD baru menjalankan tugas harian lebih cekap, teratur dan penuh semangat.

Saya suka beri tahniah kepada kumpulan pertama seramai 109 pelatih yang telah dipilih untuk mengikuti Kursus Pra Perkhidmatan untuk PTD yang pertama sebab mereka dipilih dari beratus-ratus pemohon dengan persaingan kuat.

Latihan dalam kerja atau on the job training juga sangat sesuai selain dari latihan di bilik kuliah untuk mengujudkan PTD yang terlatih. Kursus Pra Perkhidmatan PTD akan meliputi latihan "formal" di bilik kuliah melalui syarahan, perbincangan dan latihanamal dan juga penempatan di Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga di daerah-daerah. Dengan cara ini Kerajaan harap dapat satu golongan pegawai PTD baru yang lebih cekap, efektif dan dinamik. Oleh itu Kerajaan telahpun memutuskan bahawa mulai tahun 1978 hanya pelatih-pelatih yang telah menamatkan Kursus Pra Perkhidmatan PTD dengan jayanya dapat dilantik ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Saya berharap penuh agar Kursus Pra Perkhidmatan PTD ini dapat membantu Kerajaan untuk mengadakan PTD yang lebih baik yang akan memainkan peranan yang lebih efektif dalam menjayakan program-program Kerajaan supaya objektif negara dapat dicapai.

Dengan sukacitanya saya membuka dengan resmi Kursus Pertama Pra Perkhidmatan untuk Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
3hb November, 1977.

(dikeluarkan pada pukul 8.00 malam)

cky/lbh